

## Model Usahawan Berjaya dalam Amalan Nilai-nilai Murni Keusahawanan Sosial Islam

Mohd Adib Abd Muin<sup>1</sup>, Azizi Abu Bakar<sup>2</sup>, dan Shuhairimi Abdullah<sup>3</sup>

<sup>1,2</sup>Pusat Pengajian Perniagaan Islam, Universiti Utara Malaysia, 06010 Sintok, Kedah, Malaysia

<sup>3</sup>Pusat Pengajian Perniagaan Inovasi dan Teknousahawan, Universiti Malaysia Perlis, 01000  
Kangar, Perlis, Malaysia

### ABSTRAK

Bidang keusahawanan sosial Islam adalah salah satu cabang di bawah konteks Muamalah di mana ianya dikenal pasti sebagai pemangkin yang berpontensi besar dalam membangunkan ekonomi ummah sejagat. Islam memandang berat tentang amalan nilai-nilai murni yang diaplikasikan oleh golongan usahawan terutama golongan usahawan berjaya dalam meneruskan aktiviti keusahawanan sosial Islam. Pembentukan model dalam meningkatkan hubungan di antara usahawan berjaya dengan tuhan, sesama manusia dan alam bagi mencapai Maqasid Syariah sangat diperlukan untuk dijadikan panduan dan sandaran bagi memartabatkan agama Islam itu sendiri. Kertas kerja ini akan memberi fokus kepada model usahawan yang berjaya dalam melaksanakan amalan nilai-nilai murni keusahawanan sosial menurut perspektif Islam. Oleh itu, perbincangan berdasarkan sumber hukum al-Quran dan as-Sunnah akan ditekankan bagi mencapai sistem al-falah iaitu mendapatkan keredaan Allah SWT di dunia dan akhirat.

**Kata kunci:** Keusahawanan sosial Islam, usahawan berjaya, muamalah, maqasid syariah.

### 1.0 PENGENALAN

Dalam aspek *syariah* terdapat empat perkara penting yang biasa dibincangkan oleh ulamak terdahulu dan masa kini iaitu *Ibadah*, *Muamalah*, *Munakahat* dan *Jinayah*. Berdasarkan situasi sekarang yang berlaku di Negara Eropah dan Amerika, terdapat masalah krisis ekonomi yang sangat menggusarkan pelbagai pihak terutamanya para pelabur asing dan usahawan tempatan (Petikan Ucapan Timbalan Perdana Menteri Malaysia di Majlis Perasmian Penutup Pertandingan Pidato Integriti antara Institut Pendidikan Guru, Piala Menteri Pelajaran Malaysia 2012).

Dalam skop negara Malaysia, dari pandangan individu dapat dilihat bahawasanya usahawan-usahawan sememangnya berjaya dalam menghasilkan pendapatan yang lumayan melalui aktiviti keusahawanan. Walau bagaimanapun, apa yang perlu ditekankan di sini adalah faktor keberhasilan pendapatan usahawan tersebut dalam konteks keusahawanan sosial Islam terutamanya daripada golongan usahawan berjaya, iaitu berkaitan dengan amalan-amalan murni yang diterapkan dalam setiap transaksi perniagaan yang berlaku.

Oleh itu, artikel ini dihasilkan adalah bertujuan untuk mendedahkan konsep keusahawanan sosial Islam yang lebih teratur dan sistematik kepada satu kelompok atau kumpulan dalam masyarakat, iaitu memfokuskan kepada golongan usahawan berjaya. Penekanan ini ditujukan kepada mereka yang terlibat dengan aktiviti secara langsung atau tidak dalam perniagaan bagi melaksanakan amalan nilai-nilai murni. Hubungan usahawan dengan masyarakat yang diamalkan sekarang adalah bersesuaian, tetapi ianya kurang lengkap sekiranya tidak diterapkan prinsip *maqasid syariah* dalam setiap amalan perniagaan tersebut.

## 2.0 USAHAWAN BERJAYA

Usahawan berjaya adalah usahawan yang telah melakukan aktiviti keusahawanan dalam sesuatu perniagaan dan telah berjaya mendapatkan keuntungan hasil daripada aktiviti tersebut. Menurut kajian yang dijalankan oleh Hafiza Othman (2012), keusahawanan adalah salah satu sumber untuk mencari rezeki melalui cabang *ibadah* dan *muamalah* yang dapat mendekatkan diri kita kepada Allah SWT. Hal ini bersesuaian dengan ayat al-Quran yang bermaksud:

*“Dan Allah SWT menghalalkan jual beli dan mengharamkan riba.”*  
(Al-Baqarah, 2: 275)

Hadis Nabi Muhammad SAW tentang perniagaan dan usahawan yang merupakan salah satu sumber rezeki terbesar dan menjanjikan pulangan yang lumayan. Antara hadis Rasulullah SAW yang bermaksud:

*Dorongan atas kamu ialah perniagaan kerana di dalamnya 9/10 daripada adalah punca rezeki.*  
(Riwayat at-Tirmizi)

Pembentukan model usahawan berjaya dalam amalan nilai-nilai murni yang telah digariskan oleh Islam melalui sejarah silam seorang hamba yang paling mulia di

sisi Allah iaitu Nabi Muhammad SAW dalam melaksanakan keusahawanan sosial Islam. Hadis Nabi Muhammad SAW yang bermaksud:

*Usaha yang paling baik sekali ialah usaha seseorang dengan tangannya dan semua jual beli yang diredai oleh Tuhannya.*

(Al-Ghazali, 2000)

Selain itu, usahawan berjaya menurut Shuhairimi Abdullah (2013) adalah usahawan yang mempunyai ciri-ciri umum dan spesifik. Ciri-ciri umum yang dimaksudkan adalah menjadikan agama Islam sebagai satu cara hidup, melakukan aktiviti yang halal, mengeluarkan sedikit daripada harta yang kita ada ke jalan Allah, menghargai nilai yang baik dan bertanggungjawab ke atas diri sendiri, keluarga, pekerja dan masyarakat, manakala ciri-ciri spesifik usahawan berjaya adalah usahawan itu mestilah kreatif, berkemampuan dalam mengurus, berorientasikan masa hadapan, bermotivasi, berpengetahuan, bertanggungjawab dan mempunyai keyakinan diri.

### 3.0 NILAI-NILAI MURNI ISLAM

Menurut Shuhairimi Abdullah (2013), nilai-nilai murni adalah nilai yang bersifat universal yang memberi penekanan kepada adab yang terpuji dan kehalusan tatasusila individu dalam kerangka perhubungan yang melibatkan manusia dengan tuhan (*hablu min Allah*), manusia dengan manusia (*hablu min Nas*) dan manusia dengan alam (*hablu min Makhluk*). Firman Allah SWT yang bermaksud:

*“Dan bagi tiap-tiap umat ada kiblatnya (sendiri) yang ia akan menghadap kepadanya. Maka berlumba-lumbalah (dalam membuat) kebaikan di mana saja kamu berada pasti Allah SWT akan mengumpulkan kamu sekalian (pada hari kiamat). Sesungguhnya Allah Maha Kuasa atas segala sesuatu.”*

(Al-Baqarah, 2: 148)

*“Wahai orang-orang yang beriman, janganlah kamu saling memakan harta sesama kamu dengan jalan yang batil, kecuali dengan jalan perniagaan yang berlaku dengan suka sama suka antara kamu.”*

(An-Nisa', 4: 29)

*“Wahai orang-orang yang beriman, mahukah aku tunjukkan sesuatu perniagaan yang boleh menyelamatkan kamu dari azab seksa yang tidak terperi sakitnya? Iaitu, kamu beriman kepada Allah SWT dan Rasulnya, serta kamu berjuang membela dan menegakkan agama Allah SWT dengan harta benda dan diri kamu; yang sedemikian itulah yang lebih baik bagi kamu, jika kamu hendak mengetahui (hakikat yang sebenarnya).”*

(Al-Saf, 61: 10-11)

*“Perlumbaan memperbanyakkan harta dan anak-anak telah melalaikan kamu (iaitu mengabaikan nilai-nilai yang lebih mulia) sehingga kamu masuk kubur.”*

(At-Takaathur, 102: 1-2)

Berdasarkan kepada firman-firman Allah SWT tersebut, al-Quran telah banyak memberi nasihat, petunjuk, amaran dan panduan kepada semua manusia melalui malaikat Jibril kepada Nabi Muhammad SAW bahawa melakukan perkara-perkara yang baik itu sangatlah dituntut dalam Islam. Firman Allah SWT yang bermaksud:

*“Sesungguhnya al-Quran ini mengandungi keterangan-keterangan yang cukup bagi orang-orang yang (cita-citanya) mengerjakan ibadat (kepada Allah dengan berilmu). Dan tiadalah Kami mengutuskan engkau (wahai Muhammad), melainkan untuk menjadi rahmat bagi sekalian alam.”*

(Al-Anbiyaa', 21: 106-107)

Hadis Nabi Muhammad SAW yang bermaksud:

*Daripada Jabir bin Abd Allah bahawa Rasulullah bersabda, “Semoga Allah SWT merahmati seseorang yang sentiasa bertoleransi ketika menjual, membeli dan menuntut bakunya.*

(Sahih Bukhari, Kitab al-Buyu', Bab al-Suhulah wa al-Samahah fi al Syira' wa al-Bay', No. 1934)

#### **4.0 KEUSAHAWANAN SOSIAL ISLAM**

Bidang keusahawanan sosial Islam adalah salah satu bahagian di dalam konteks *Muamalah* di mana ianya melibatkan hubungan manusia dengan Allah, manusia dengan manusia dan manusia dengan alam. Matlamat Keusahawanan sosial Islam ini adalah bertepatan dengan keperluan *Maqasid syariah* yang mana objektifnya adalah untuk mendapat keredaan Allah SWT serta mencapai kejayaan dan kebahagiaan di dunia dan akhirat. Hal ini selaras dengan apa yang

dibincangkan oleh Muhammad Akram (2003), iaitu berusaha sedaya upaya dalam mencapai kejayaan *al-falab*. Ciri-ciri usahawan berjaya yang ditakrifkan oleh Shuhairimi Abdullah (2013), seseorang yang bergelar usahawan itu hendaklah mempunyai daya pemikiran yang tinggi, kreatif, inovasi, berkemampuan mengurus, berfikiran jauh dan berteraskan konsep *al-falab*, iaitu patuh kepada ajaran agama berpandukan *syariah*, beriman dan bertakwa kepada Allah SWT, bersedekah, berzakat, bertanggungjawab dan menghargai nilai-nilai Islam yang mana tidak terlibat dengan aktiviti mencuri, kedekut, mengamalkan rasuah, melakukan jenayah, manipulasi, menipu dan menyalahgunakan sumber.

Walau bagaimanapun, definisi keusahawanan sosial merupakan satu bentuk perniagaan yang bermatlamatkan keuntungan yang mana keuntungan tersebut digunakan untuk kebaikan masyarakat. Maksudnya, setiap sen yang digunakan untuk membeli daripada usahawan sosial akhirnya akan memberi faedah langsung kepada rakyat. Keusahawanan sosial menggabungkan efisiensi dan produktiviti sektor swasta dengan etika perkhidmatan awam. Hasilnya kita mendapat faedah daripada kedua-dua budaya kerja ini (Dees & Anderson, 2003).

Keusahawanan sosial dari kaca mata barat ialah merujuk kepada aktiviti sosial berinovasi yang dijalankan oleh sesebuah kumpulan organisasi yang mempunyai objektif sosial (Dees & Anderson, 2003; Emerson & Twersky, 1996). Keusahawanan sosial juga biasanya dilakukan oleh badan-badan korporat yang sememangnya stabil dan berkemampuan melaksanakan aktiviti sosial (Austin, Leonard, Reficco & Wei-Skillern, 2004).

## 5.0 SIFAT-SIFAT NABI MUHAMMAD SAW

Menurut pandangan Mohd Faisol Ibrahim, Mohd Zulkifli Muhammad, Suhaina Musani (2008), menyatakan bahawa seseorang usahawan itu hendaklah menjadikan sifat-sifat Nabi Muhammad SAW sebagai panduan dalam melaksanakan amalan keusahawanan sosial Islam. Antara sifat yang dimaksudkan adalah *Siddiq*, *Amanah*, *Tabligh*, *Fathonah*.

Makna *Siddiq* adalah benar. Usahawan berjaya tidak seharusnya menipu atau menyembunyikan sesuatu demi kepentingan perniagaan, malah usahawan itu dituntut untuk bercakap benar kepada sesiapa pun. Firman Allah SWT yang bermaksud:

*“Sesungguhnya Allah SWT menyuruh kamu berlaku adil dan berbuat kebajikan, memberi kepada kaum kerabat dan Allah melarang daripada perbuatan keji, kemungkaran dan permusuhan. Dia memberi pengajaran kepadamu agar kamu dapat mengambil pelajaran.”*

(Al-Nahl: 90)

Makna *amanah* adalah jujur dalam semua perkara. Usahawan berjaya hendaklah jujur dalam melaksanakan aktiviti keusahawanan sosial Islam, terutamanya usahawan muslim mesti percaya kepada konsep *ihсан* di mana di bawah konsep ini setiap individu itu mesti yakin dan percaya bahawa setiap perkara yang dibuat seolah-olah Allah SWT sedang melihat.

*Jibril bertanya kepada Nabi Muhammad SAW apakah dia ihsan? Lalu Nabi Muhammad SAW menjawab Ihsan itu adalah kamu beribadat kepada Allah SWT seolah-olah kamu melihatNya. Sekiranya kamu tidak dapat melihatnya, maka sesungguhnya Allah SWT sentiasa melihat kamu.*

(Sahih Bukhari, Kitab al-Iman, Bab Sualal Jibril al Nabi ‘an al-Iman wa al Islam wa Ihsan, No. hadis 48)

Melalui contoh Nabi Muhammad SAW dalam berurusan jual beli barang perdagangan, haiwan ternakan dan susu kambing, hasil kejujuran baginda itu telah mendatangkan keuntungan yang sangat banyak dan menggembirakan Saidatina Khadijah.

Allah telah berfirman yang bermaksud:

*“Dan jangan kamu menghulurkan harta kamu (memberi rasuah) kepada hakim-hakim kerana hendak memakan (atau mengambil) sebahagian daripada harta manusia dengan (berbuat dosa) padahal kamu mengetahuinya (salahnya).”*

(Al-Baqarah: 188)

*“Sesungguhnya Allah SWT menyuruh kamu menyerahkan segala jenis amanah kepada ahlinya (yang berhak menerimanya) dan apabila kamu menjalankan hukum di antara manusia, (Allah SWT menyuruh) kamu menghukum dengan adil.”*

(Al-Nisa’, 4: 58)

Makna *tabligh* ialah menyampaikan sesuatu dengan ikhlas. Usahawan berjaya digalakkan menyampaikan sesuatu maklumat tentang produk keluarannya secara telus. Sesuai dengan firman Allah SWT yang bermaksud:

*“Bekerjasamalah kamu atas dasar kebaikan dan taqwa dan janganlah sekali-kali bekerjasama atas dasar dosa dan permusuhan dan bertakwalah kepada Allah SWT. Sesungguhnya seksa Allah SWT itu amatlah berat.”*  
(Al-Maidah: 2)

Makna *Fathonah* di sini adalah bijaksana. Bijaksana juga adalah salah satu nama-nama Allah SWT. Usahawan berjaya hendaklah bijak dalam melaksanakan amalan nilai-nilai murni dalam aktiviti keusahawanan sosial berdasarkan perspektif Islam. Firman Allah SWT yang bermaksud:

*“Ya Tuhan kami, utuslah untuk mereka seseorang Rasul dalam kalangan mereka yang akan membacakan kepada mereka ayat-ayat Engkau dan mengajarkan kepada mereka al Kitab (al-Quran) dan al-Hikmah (al-Sunnah) serta mensucikan mereka. Sesungguhnya Engkaulah yang Maha Kuasa lagi Maha Bijaksana.”*  
(Al-Baqarah: 2: 129)

Hadis Nabi Muhammad SAW yang bermaksud:

*Daripada Abu Hurairah, Nabi Muhammad SAW bersabda, “Aku tinggalkan kamu dua perkara yang paling penting, iaitu Quran dan Sunnah untuk dijadikan sebagai panduan”.*  
(Imam Malik)

## 6.0 MAQASID SYARIAH

Menurut Ahmed, Habib (2011), *Maqasid syariah* adalah objektif atau matlamat utama yang perlu dicapai dalam konteks *syariah*, iaitu untuk mencari keredaan Allah SWT semata-mata. Berdasarkan kata-kata Imam al-Ghazali yang diambil oleh M. Umer Chapra, (2000):

*The objective of the Shari`ah is to promote the well-being of all mankind, which lies in safeguarding their faith (din), their human self (nafs), their intellect (‘aql), their posterity (nasl) and their wealth (mal). Whatever ensures the safeguard of these five serves public interest and is desirable.*

Matlamat utama dalam pelaksanaan keusahawanan Islam adalah menuju ke arah pembentukan usahawan yang sentiasa mencari keredaan Allah SWT (Ab. Aziz Yusof, 2009). Seperti firman Allah di dalam Quran yang bermaksud:

“Katakanlah, sesungguhnya sembahyangku, ibadahku, hidupku dan matiku, semuanya kerana Allah SWT, Tuhan semesta alam. Tiada baginya sekutu dan dengan demikian aku disuruh dan aku orang yang mula-mula Islam (tunduk kepada Allah SWT).”

(Al-An’am, 6: 162-163)

Matlamat usahawan berjaya dalam amalan nilai-nilai keusahawanan sosial Islam adalah untuk mencapai kejayaan *al-falah* dan mendapat keredaan Allah SWT di dunia dan akhirat. Menurut kajian-kajian lepas dengan berpaksikan kepada *maqasid syariah* dalam melakukan aktiviti usahawan dan perniagaan, maka akan menghasilkan keputusan yang positif dan baik, malah akan mendapat keuntungan daripada perniagaan dan mencapai keredaan Allah SWT (Asyaf Wajdi Dusuki, 2009; Ahmed, Habib, 2011)


Secara keseluruhannya, hubung kait di antara usahawan berjaya, nilai-nilai murni, keusahawanan sosial Islam, sifat-sifat Nabi Muhammad SAW dan juga *maqasid syariah* menjadi titik tolak kepada penghasilan model usahawan berjaya.

## 7.0 KAEDAH PENYELIDIKAN

Kajian ini mengaplikasikan pendekatan analisis data di mana penyelidikan dibuat ke atas semua dokumen-dokumen penting dalam menyatakan dan mengukur fenomena secara sistematik dan secara objektif (Downe-Wamboldt, 1992; Krippendorff, 1980; Sandelowski, 1995). Penyelidikan secara analisis data ini membenarkan penyelidik memperbaiki dan memahami secara lebih mendalam ke atas data melalui satu proses menguji isu-isu teori. Kajian secara perpustakaan juga dibuat dengan melihat tesis, disertasi, latihan ilmiah, manuskrip, laporan, kertas persidangan, buku akhbar, majalah dokumen dan jurnal.

Penyelidikan ini juga banyak merujuk kepada al-Quran dan as-Sunnah berdasarkan kajian-kajian lepas berkaitan dengan keusahawanan sosial, etika Islam, amalan nilai-nilai murni dan usahawan berjaya. Artikel ini menggunakan kaedah konsep pembentukan model yang mana ianya telah diadaptasi dari model sedia ada daripada Shuhairimi Abdullah (2013) dalam *Journal of Islamic and Human Advanced Research* yang bertajuk *The Characteristics of Successful Entrepreneurs from Islamic Perspective*. Usahawan berjaya berdasarkan rangka kerja usahawan yang mencapai *al-Falah*. Secara ringkas berkaitan dengan rangka kerja usahawan berjaya itu adalah seperti di bawah.





Sumber: Model Ciri-ciri Usahawan Berjaya daripada Shuhairimi Abdullah (2013)


Rajah 1: Usahawan Berjaya

## 8.0 PENEMUAN DAN PERBINCANGAN

Secara umumnya, penyelidik telah menghasilkan satu model baru untuk usahawan berjaya dalam amalan nilai-nilai murni keusahawanan sosial Islam (sila lihat Rajah 2 di bawah). Berpandukan model *al-falah* yang sedia ada dari Shuhairimi Abdullah (2013), penyelidik telah menghasilkan model yang lebih signifikan dan spesifik, iaitu masih mengekalkan model usahawan berjaya *al-falah* tetapi lebih menjurus kepada sifat-sifat Nabi Muhammad SAW dan elemen-elemen *maqasid syariah* dalam mencapai kecermerlangan dunia dan akhirat seiring mendapatkan keredaan Allah SWT.

Dalam model ini, usahawan berjaya itu dituntut mengamalkan amalan nilai-nilai murni yang dibawa oleh junjungan besar Nabi Muhammad SAW, iaitu sifat *siddiq, amanah, tabligh dan fatbonah*, dan mengambil kira matlamat *syariah* melalui *-al-dhururiyyah al-kebomsah*, iaitu melakukan sesuatu aktiviti perniagaan dan keusahawanan dengan memelihara agama, nyawa, akal, keturunan dan harta. Sehubungan dengan itu, adalah penting pembentukan model ini bagi merealisasikan matlamat *maqasid syariah* bagi usahawan berjaya dalam melakukan aktiviti amalan nilai-nilai murni keusahawanan sosial Islam berlandaskan al-Quran dan as-Sunnah.

Dengan pelaksanaan model ini, diharapkan dapat memberi garis panduan dan rujukan berguna kepada usahawan berjaya secara khususnya dan semua pihak secara amnya dalam mendekatkan diri kepada Allah SWT seterusnya mengabdikan diri dalam mencari hikmah melalui Sunnah Nabi Muhammad SAW.



**Rajah 2: Model Usahawan Berjaya dalam Amalan Nilai- nilai Murni Keusahawanan Sosial Islam**

## 9.0 KESIMPULAN

Secara kesimpulan, penulisan artikel ini bertujuan untuk menghasilkan sebuah model keusahawan sosial berdasarkan perspektif Islam. Melalui model usahawan dalam amalan nilai-nilai murni keusahawanan sosial Islam, beberapa aspek telah disentuh antaranya di bawah aspek syariah iaitu ibadah dan muamalah, iaitu merupakan bidang yang sangat strategik untuk diceburi oleh masyarakat sekarang terutamanya orang-orang Islam yang menjalankan aktiviti keusahawanan dalam perniagaan di Malaysia pada masa kini. Kertas kajian ini adalah signifikan dalam perkembangan keusahawanan sosial Islam bagi memberikan satu garis panduan kepada golongan usahawan berjaya dalam menerapkan amalan nilai-nilai murni berdasarkan amalan dan sifat Nabi Muhammad SAW serta menjadikan *maqasid syariah* sebagai elemen penting dalam panduan pelaksanaan. Usahawan berjaya haruslah sentiasa bersyukur dan mencari keredhaan Allah SWT di atas muka bumi ini dengan melaksanakan amalan nilai-nilai murni dalam aktiviti keusahawanan sosial Islam. Sesuai dengan Firman Allah SWT yang bermaksud:

*“Dan ingatlah tatkala Tuhanmu memberitahu: Sesungguhnya! Jika kamu bersyukur nescaya aku tambahi nikmatku kepadamu, dan demi sesungguhnya, jika kamu kufur ingkar sesungguhnya azabku amatlah keras.”*

(Ibrahim: 7)

Selain dijadikan bahan bacaan tambahan dalam koleksi pengajian dan penyelidikan berdasarkan perspektif Islam, disertakan juga cadangan agar kajian yang dilakukan ini diteruskan lagi kepada generasi yang akan datang supaya kajian ini dapat diperluaskan supaya ilmu pengetahuan tentang tajuk ini diperbanyakkan lagi di masa depan serta mendapat manfaat daripada kertas kerja yang dihasilkan.

## RUJUKAN

Al- Quran al-Karim.

Ali, Abd Allah Yusuf. (1968). *The Holy Quran: Text, Translation and Commentary*. Beirut: Dar at-Tiba'ah wa an-Nashr wa at-Tawzi'.

Ab. Aziz Yusof. (2009). *Pendidikan Keusahawanan dalam Konteks Pembangunan Negara*. Selangor: Perpustakaan Negara Malaysia.

Ab. Aziz Yusof. (2010). *Pengenalan kepada Usahawan dan Keusahawanan*. Kuala Lumpur: Scholar Mind Publishing.

Ab. Mumin Ab Ghani, & Suhaili Sarif. (2005). *Penerapan Budaya Keusahawanan Dalam Masyarakat Islam*. Seminar Keusahawanan Islam Peringkat Kebangsaan 2005.

Abu Abd Allah Muhammad Ismail bin Ibrahim al-Bukhari. (1981). *Sahih al-Bukhari*. Jil. 1, Istanbul: al-Maktabah al-Islamiyyah.

Ahmed, Habib. (2011). Maqasid al-Shari'ah and Islamic financial products: A framework for assessment. *ISRA International Journal of Islamic Finance*, 3(1), 149-160.

Bharudin Che Pa, Siti Arni Basir, Raja Hisyamudin Raja Sulong, & Mohd Zaidi Abd Rahman. (2008). *Prinsip-prinsip Kualiti Usahawan Muslim*. Seminar Keusahawanan Islam II Peringkat Kebangsaan.

- Dusuki Asyraf Wajdi, & Abdulazeem Abozaid. (2007). The Challenges of Realizing Maqasidal-Shariah in Islamic Banking and Finance, 15.
- Dusuki Asyraf Wajdi. (2009). *Fundamental of Islamic Finance*. Asian Regional Public Debt Management Forum. 5<sup>th</sup> November 2009.
- Dees J. G., & Anderson B. B. (2003). For-Profit Social Venture. *In Social Entrepreneurship*, Eds. M. L. Kourilsky and W. B. Walstad. Birmingham. UK: Senate Hall Academic Publishing.
- Downe-Wamboldt B. 919920. Content analysis: method, applications and issues. *Health Care for Women International*, 13, 313-321.
- Emerson, J., & Twerksy, (Eds.). (1996). *New Social Entrepreneurs: The Success, Challenge and Lesson of Non-Profit Enterprise Creation*. San Francisco: Robert Foundation, Homeless Economic Development Fund.
- Krippendorff, K. (1980). *Content Analysis: An Introduction to its Methodology*. Newbury Park, CA: Sage Publications.
- M. Umer Chapra. (2000). The Future of Economics: An Islamic Perspective (Leicester: The Islamic Foundation, 118).
- Muhammad Akram. (2003). *Islamic Economic and finance: A Glossary*, hlm: 60.
- Muhammad Reza Noruzi, Jonathan H. Westover, & Gholam Reza Rahimi. (2010). An Exploration of Social Entrepreneurship in the Entrepreneurship Era. *Journal Asian Social Science*, 6(6).
- Mohd Faisol Ibrahim, Mohd Zulkifli Muhammad, Suhaina Musani. (2008). *Konsep Pemasaran Islam dalam Perniagaan Berasaskan Ekonomi Islam bagi Usahawan Muslim*. Prosiding Perkem III, Jilid 1 (2008) 110-117, ISSN:2231-962X.
- Nor Hafiza Othman. (2012). *Nilai dan Etika Perniagaan dalam Islam bagi Membentuk Usahawan Bertakwa*. Proceeding: International Conference on Islamic Leadership- 2 (ICIL).
- Sahih Bukhari. Kitab al-Buyu', Bab al-Suhulah wa al-Samahah fi al Syira' wa al-Bay', No. 1934

- Sahih Bukhari. Kitab al-Iman, Bab Sual al Jibril al Nabi ‘an al-Iman wa al Islam wa Ihsan, No Hadis 48.
- Sandelowski, M. (1995). Qualitative analysis: what it is and how to begin? *Research in Nursing & Health*, 18(4), 371-375.
- Shuhairimi Abdullah. (2011). *Aplikasi Nilai-nilai Murni dalam Kalangan Usabawan ke Arab Pembangunan Usabawan Muslim yang Holistik*. Kertas Kerja Seminar Keusahawanan Islam II Peringkat Kebangsaan.
- Shuhairimi Abdullah. (2013). The Characteristics of Successful Entrepreneurs from Islamic Perspective. *Journal of Islamic Human Advanced Research*, 3(6), 322-345.
- Solahuddin Abdul Hamid & Che Zarrina Sa’ari. (2011). Reconstructing Entrepreneur’s Development Based on al-Quran and al-Hadith. *International Journal of Business and Social Science (The Special Issue on Social Science Research)*, 2(19), 110-116.
- Suhaimi Mhd Sarif, Abdullah Sarwar, & Yusof Ismail. (2013). Practice of Social Entrepreneurship among the Muslim Entrepreneurs in Malaysia. *Middle East Journal of Scientific Research*, 14(11), 1463-1470.
- Ucapan Timbalan Perdana Menteri di Majlis Perasmian Penutup Pertandingan Pidato Integriti antara Institut Pendidikan Guru, Piala Menteri Pelajaran Malaysia 10hb April 2012*. Sumber di laman sesawang: [www.btn.gov.my/](http://www.btn.gov.my/)Tarikh diakses: 3hb Oktober 2013.